

24

setempat

28/03/2017

"Sehingga kini, saya melatih lima remaja senasib anak saya sekitar Puchong dan Subang Jaya

Mohd Adli Yohya

Mahaizura Abd Malik
mahaizura@metro.com.my

Kuala Lumpur

Sanggup melepas kerja sebagai pengarah eksekutif sebuah yayasan syarikat perbankan demi membangunkan masa depan anak yang mempunyai masalah autisme.

Itu pengorbanan bapa, Mohd Adli Yahya, 33, untuk pertama kali membina sebuah kafe bagi anak autisme.

Bapa kepada empat anak itu berhenti kerja kerana mahu memberi sepenuhnya tumpuan kepada Autism Cafe Project yang dibangunkan sejak Mac tahun lalu untuk memberi peluang kepada remaja autisme bekerja bersama-sama di kafe.

Mohd Adli berkata, selain melepaskan kerja bergaji lumayan, dia juga terpaksa bergadai harta termasuk menjual sebuah kendaraan dan meminta bantuan kekalannya untuk membuka kafe berkenaan.

"Sebagai bapa, saya selalu risau masa depan anak istimewa saya dan sedar masa saya tidak lama, tetapi bagaimana nasib anak saya nantinya bila saya sudah tiada."

"Saya berbincang dengan isteri supaya melakukan sesuatu untuk anak memandangkan kami sedar zaman sekarang bukan mudah seorang anak istimewa bersaing dengan orang normal."

"Saya nekad berhenti kerja pada Disember 2015 dan membuka kafe ini pada Mac tahun lalu secara kecil-kecilan di tepi rumah kami untuk memberi pendekaran dunia pekerjaan kepada anak kami itu," katanya.

Menurutnya, bagai-

DEMIMU LUQMAN

■ Bapa berhenti kerja sebagai pengarah eksekutif fokus masa depan anak autisme menerusi projek kafe

manapun kafe itu yang pada mulanya dibangunkan bersama Persatuan Orang-Orang Kurang Upaya Subang Jaya tidak dapat bertahan lama kerana kurang mendapat sambutan.

"Alhamdulillah, mungkin rezeki Muhammad Luqman, permohonan saya diluluskan IM4U yang memberi kebenaran kepada saya menggunakan ruang niaga di Kompleks Rakan Muda, IM4U Sentral di Puchong pada Ogos lalu."

"Selain dia, saya juga memberi peluang kepada remaja autisme lain menyertai projek ini. Sehingga kini, saya melatih lima remaja senasib anak saya sekitar Puchong dan Subang Jaya," katanya.

Menurutnya, setiap remaja berkenaan dipadankan dua orang setiap

hari untuk melayan pelanggan dan menguruskan kerja di kafe berkenaan, tetapi dipantau sepenuhnya oleh beliau.

"Setiap hari, mereka bekerja mengikuti giliran dari jam 8.30 pagi hingga 12 tengah hari. Anak istimewa ini tak boleh buat kerja sepenuhnya dan tak boleh dipaksakan tetapi mereka boleh dilatih dengan membuat kerja ringan seperti mencuci pinggan mangku dan melayan pelanggan."

"Kerja yang bahaya seperti menggunakan pisau dan air panas belum saya benarkan lagi kerana mereka tiada natura takut dan bawa-haya," katanya.

Mohd Adli berkata, dia dibantu istriinya, menyediakan menu makanan berkhasiat di kafe berkenaan setiap hari.

"Setiap hari kami menyediakan makanan yang dibuat dirripadu rancangan sibat dan terplibit seperti menggunakan garam, bukit, kurangkan gula serta tanpa pengawet dan petis kerana rata-rata anak autisme kerap mengalami alergi."

"Saya juga

sengaja tidak menyediakan menu kerana mahar anak autisme ini berkomsunikasi dengan orang lain dan meningkatkan keyakinan mereka."

"Setiap bulan, saya peruntukkan RM4,000 untuk operasi kafe termasuk eluan setiap bulan kepada setiap remaja autisme yang terlibat," katanya.

Menurut Mohd Adli, kafe berkenaan satu daripada empat cabang di bawah projek yang diwujudkan khusus untuk membangunkan kemahiran anak autisme supaya mereka dapat merasai pengalaman dunia pekerjaan atau sekurang-kurangnya mampu berdiri.

"Kafe itu antara projek utama. Kami juga bekerjasama dengan Pusat Pemuliharan Dalam Komuniti (PDK) di Subang Jaya untuk membabitkan pelatihan mereka yang tahu memasak dalam membuat kuih goyang."

"Bagi yang tidak boleh datang ke kafe dan PDK, kami mempelawa ibu bapa membuat aneka biskut bersama anak autisme mereka dari rumah saji malah ada juga ibu bapa yang mewaraskan diri membuat projek baju-T dan alas pinggan."

"Kami juga ada menerima teman-pahan katering yang kebanyakannya daripada orang luar dan syarikat korporat," katanya.

Menurutnya, semua produk buatan anak



autisme yang dibantu ibu bapa berkenaan akan dipasarkan menerusi jenama Autism Cafe Project dan mereka akan menerima pendapatan daripada selesa hasil kerja mereka.

"Istimewanya produk kami ini tidak terhad untuk tempoh waktu seperti musim perayaan saja sebaliknya ia boleh didapati berterusan sepanjang tahun."

"Serakat ini, projek kami mampu daripada beberapa syarikat korporat selain individu prihatin yang sudi menjadi pelanggan kami."

"Alhamdulillah, permulaan yang baik apabila kami memasarkan 400 balang biskut sempena sambutan Tahun Baru Cina yang lalu," katanya.

Mohd Adli berkata, dia berharap dapat menarik lebih ramai pelanggan lain menyokong produk Autism Cafe Project demi pembangunan masa depan anak autisme di negara ini.

"Jangan salah faham, projek ini bukan bersasarkan keuntungan, tetapi tujuan sebenar untuk membantu lebih ramai lagi anak autisme berdikari dan merasa peluang mencari pendapatan," katanya.



MOHD Adli membantu Muhammad Luqman bekerja di Autism Cafe Project di Taman Perindustrian Puchong.

"Latih mereka bertanggungjawab atau sekurang-kurangnya dapat mengurangkan diri sendiri"

Azlinda Mohamad

28.03.2017

setempat 25

HARIAN METRO



AZLINDA memantau Muhammad Arif membuat biskut sebagai pendekahan kepada dunia sebenar pekerjaan.



MUHAMMAD Lugman membuat biskut sebagai puncak pendekahan.



DARI kiri, Muhammad Lugman, Nurul Nabilah Mohd Nazri, 11, Nurul Akma Khalid, 26 dan Muhammad Ariff menunjukkan hasil biskut dan kuih yang mereka buat untuk dijual.

Tiada alasan tak boleh berdikari

Bawang: Jika dilihat pada liurnanya, tiada apa yang membezakan Muhammad Arif Iskandar Zulkifli dengan rakan seusianya.

Namun, ternyata tidak mudah mendekati anak muda berusia 22 tahun ini berikut dia hanya mendiamkan diri seolah-olah berada dalam dunianya ter sendiri sahaja.

Tiada jawapan yang diberikan sebaliknya setiap soalan sama dilontarkan begitu mudah dan boleh dijawab kanak-kanak berusia dua tahun.

Situasi ini barangkali sedikit pelik bagi mereka yang tidak biasa berpapun soalan dilontarkan begitu mudah dan boleh dijawab kanak-kanak berusia dua tahun.

Tetapi bagi Azlinda Mohamad, 44, kelakuan ganjil anak sulungnya itu bukan perkara baru sebaliknya sudah lama ditemui sejak lebih belasan tahun lalu.

Azlinda berkata, sama seperti ibu lain, dia menerima ketentuan Allah dengan reda apabila Muhammad Arif disahkan mengalami masalah autisme sejak berusia

empat tahun.

"Saya perasan anak saya berkelakuan pelik tidak seperti kanak-kanak lain ketika usianya memasuki tiga tahun. Dia tidak bercakap, tidak memandang mata kita apabila bercajap dengannya dan sangat hiperaktif."

"Atas nasihat kakak ipar, kami bertemu pakar di Perubatan Universiti

Malaya dan baru saya tahu anak kami ada masalah autisme,"

"Saya akui kami melalui detik sukar membersarkan anak ini kerana pada waktu dulu, penyakit itu agak baru dan tidak banyak maklumat berkaitannya dapat dicari dalam Internet," katanya.

Menurutnya, dia dan suaminya, Zulkifli, Abdulrahman, 51, tetap melayan dan mendidik anak istimewa mereka itu sama rata seperti dia normal kerana tidak mahu mewujudkan sebarang jurang.

Scawal usianya tiga tahun setengah, kamul didik dia menguruskan diri sendiri seperti huang air ke tandas, mandi, sikat rambut dan memakai baju sendiri.

"Menengkat remaja, kamul dedahkan dia dengan kerja mudah di rumah seperti membina bersama serta menyidai baju, cuci pinggan dan sebagainya."

"Dia juga kamul hantar ke sekolah inacam tanpa sebabnya yang lain kerana tidak mahu dia rasa tersisih," kata-munya.

Azlinda berkata, dia melatih anak istimewa ini membuat kerja rumah bukan kerana mendera tetapi mahu Muhammad Arif berdikari dari diri sendiri.

"Bagi saya, anak istimewa hanya sekadar istilah jangan jadi

kan alasan sebaliknya jadi-kam mereka bertanggungjawab atau sekurang-kurangnya dapat mengurangkan diri sendiri.

"Justeru, satu cara yang mampu saya lakukan ialah melatih dia buat kerja rumah yang mudah dan secara tidak langsung sejak lima tahun lalu, saya juga ada habarkan dia dengan perniagaan keluarga seperti membuat biskut dari rumah se-cara kecil-kecilan supaya dia dibekalkan dengan kelebihan dan pendedahan dunia sebenar pekerjaan," katanya.

ESOK » Cabaran menjaga anak autisme



MUHAMMAD Arif membuat perniagaan keluarga membuat biskut di rumah.